



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 30 MAC 2026**

| BIL. | TAJUK KERATAN AKHBAR  | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                        |
|------|---|---|
| 1.   | KERAJAAN PASTIKAN BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 8   | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2.   | MINISTER CALLS FOR HOME FARMING AS FOOD RISKS RISE, NATION, THE STAR, M/S – 6   |   |
| 3.   | SHIFT TO HOMEGROWN GREENS, NATION, THE STAR, M/S – 6  |   |
| 4.   | MEETING WITH FARMERS TO RESOLVE COST ISSUES, NATION, THE STAR, M/S – 6  |   |
| 5.   | ORANG MUDA TAK MINAT PERTANIAN, KERAJAAN SEDIA PROGRAM GALAK PEMBABITAN GOLONGAN BELIA, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 16 |   |
| 6.   | MAT SABU AJAK RAKYAT BERCUCUK TANAM, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 5  |   |
| 7.   | WEATHER VOLATILITY PUTS CROPS AT RISK, NATIONAL, THE SUN, M/S – 3   |   |
| 8.   | ALIH SANGKAR IKAN ELAK RUGI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 8   | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)                      |
| 9.   | HASIL PADI MEROSOT 60 PERATUS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 7   | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)                |
| 10.  | HARGA BARANG BASAH NAIK DI PASAR AWAM, KEDAI RUNCIT, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 8                                 | LAIN - LAIN   |
| 11.  | 'REINSTATE APS FOR IMPORTED PRODUCE', NATION THE STAR, M/S – 6  |   |
| 12.  | HEAT, DIESEL COSTS LEAVE KEDAH PADDY UNHARVESTED, NATIONAL, THE SUN, M/S – 3  |   |
| 13.  | CALL TO GROW VEGETABLES AMID PRICE SURGE, NATIONAL, THE SUN, M/S – 3  |   |
| 14.  | HARGA SAYUR NAIK HINGGA 30 PERATUS, NEGARA, KOSMO, M/S – 1 & 3  |   |
| 15.  | KERIAN PADI FARMERS FACE RISING LOSSES, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 5  |   |
| 16.  | BELIA PENENTU MASA DEPAN AGROMAKANAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 17   |   |
| 17.  | KENAIKAN DIESEL, CUACA PANAS BERISIKO JEJAS HASIL PADI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6                        |   |
| 18.  | LEVELLING THE 'FARMING' FIELD, NATION, THE STAR, M/S – 1  |   |

|     |   |  |
|-----|---|--|
| 19. | DRY WEATHER, FUEL COSTS IMPACT PADDY HARVEST, NATIONAL, THE SUN, M/S - 1                          |  |
| 20. | HASIL PADI TERENGGANU TURUT TERJEJAS TERUK AKIBAT KEMARAU, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S - 7 |  |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 30/3/2026 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 8          |

# Kerajaan pastikan bekalan makanan mencukupi

Akses kepada rakyat sentiasa terjamin ketika berhadapan dengan konflik di Asia Barat

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan terus memperkukuh sistem makanan negara bagi memastikan bekalan mencukupi dan akses kepada rakyat sentiasa terjamin ketika berhadapan dengan konflik di Asia Barat.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata itu tanggungjawab yang sedang dan akan terus dilaksanakan.

"Dalam keadaan dunia hari

ini, konflik geopolitik di Asia Barat bukan sekadar isu luar negara, tetapi ia turut memberi kesan kepada rantaian bekalan makanan global.

"Kita mungkin tidak nampak secara langsung tapi impaknya boleh sampai ke meja makan," katanya menerusi hantaran Facebook, semalam.

Pada 13 Mac, kerajaan memberi jaminan bekalan makanan negara berada pada tahap mencukupi sekurang-kurangnya sehingga pertengahan tahun ini walaupun ketidaktentuan global susulan konflik di Asia Barat, seperti laporan BERNAMA.

## Jamin bekalan baja cukup

Sementara itu, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memberi jaminan bekalan baja padi negara mencukupi buat masa ini walaupun berlaku ketidaktentuan geopolitik di Asia Barat dan penutupan Selat Hormuz.

NAFAS berkata, pihaknya melalui Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd mempunyai stok

bahan mentah mencukupi untuk pengeluaran baja sebatian sehingga Ogos depan, bagi pelaksanaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan, Skim Insentif Pengeluaran Padi, Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma membabitkan lebih 200,000 pesawah.

"Bekalan ini disokong sumber yang pelbagai, termasuk urea daripada sumber tempatan, manakala bahan mentah fosfat diimport dari China, India, Australia dan Maghribi serta potassium dari Kanada dan Russia.

"Kepelbagaian sumber bekalan ini membolehkan rantaian bekalan kekal stabil dan berdaya tahan, sekali gus mengurangkan kesan terhadap pengeluaran baja walaupun berdepan ketidaktentuan global," katanya.

Dari segi harga, NAFAS berkata, konflik di Asia Barat memberi tekanan jelas kepada pasaran global baja, khususnya bahan mentah berasaskan nitrogen seperti urea dan fosfat.

"Negara pengeluar utama se-

perti Oman, Qatar, Arab Saudi dan Iran, selain China, Russia, Australia dan India menguasai sebahagian besar pengeluaran bahan mentah baja dunia.

"Kesan ini turut dirasai pada peringkat global dengan kenaikan harga bahan mentah diunjurkan 40 peratus atau lebih susulan konflik yang berlaku.

"Berdasarkan pemantauan dan penilaian semasa oleh NAFAS, kos bahan mentah menunjukkan trend peningkatan yang ketara susulan ketidaktentuan geopolitik dan gangguan rantaian bekalan global," katanya.

NAFAS berkata, peningkatan kos bahan api dan caj insurans perkapalan yang dikenakan syarikat perkapalan meningkatkan kos jualan secara keseluruhan.

"Pada masa sama, sekatan eksport oleh negara pengeluar bahan mentah turut menyukarkan pembelian bahan mentah itu.

"Keadaan ini seterusnya menjejaskan kelancaran bekalan bahan mentah dan keupayaan

Dalam keadaan dunia hari ini, konflik geopolitik di Asia Barat bukan sekadar isu luar negara, tetapi ia turut memberi kesan kepada rantaian bekalan makanan global

Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan



penyediaan baja bagi program subsidi serta pasaran terbuka," katanya.

NAFAS berkata, sokongan intervensi kerajaan penting bagi membolehkan rundingan strategik dilaksanakan pada peringkat antarabangsa, demi memastikan kelangsungan bekalan baja ke negara ini.

"Sebagai langkah jangka panjang, NAFAS juga sedang meneroka kerjasama strategik bersama pengeluar bahan mentah global termasuk potensi pembangunan kemudahan pengeluaran dalam negara bagi memperkukuh jaminan bekalan dan kelestarian industri baja negara," katanya.

| TARIKH    | MEDIA    | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|----------|---------|------------|
| 30/3/2026 | THE STAR | NATION  | 6          |



## Minister calls for home farming as food risks rise

By **ARFA YUNUS**  
arfayunus@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** From distant conflicts to dinner tables, geopolitical tensions in the Middle East are quietly reshaping global food supply chains with potential implications for Malaysia, says Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*).

With this in mind, the Agriculture and Food Security Minister called on Malaysians to

adopt small-scale farming at home.

Mohamad said geopolitical conflicts in the Middle East were not merely foreign issues but were already affecting global food supply chains, with impacts that could reach households in Malaysia.

"We may not see it directly, but the effects can reach our dining tables," he said in a Facebook post yesterday.

He urged Malaysians to make use of even small spaces at home to grow basic food items such as chillies, vegetables and herbs, adding that such efforts could help reduce reliance on external supply while benefiting households.

"Even a small effort can reduce dependence and at the same time benefit the family."

Mohamad said the government would continue strengthening the

national food system to ensure sufficient supply and consistent access for the public.

"This is a responsibility that we are carrying out and will continue to implement."

He also called for collective action, encouraging Malaysians to start with whatever resources they have.

"God willing, small efforts today will become a great strength for the future," Mohamad added.

# Shift to homegrown greens

## Govt to boost local output and tighten imports

By KHOO GEK SAN  
geksan@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The focus will shift to the domestic vegetable supply as the government moves to strengthen food security and stabilise the market amid rising farming costs fuelled by the Middle East conflict.

With this in mind, the Agriculture and Food Security Ministry will review its vegetable production database to better match domestic supply with imports.


Deputy Minister Datuk Chan Foong Hin said, to enhance accuracy and timeliness, the ministry is progressively expanding digital reporting tools and encouraging greater farmer participation.

He said the Agriculture Department maintains an extensive database to support supply monitoring, strategic planning, and policy formulation.

The AgrisGeoPortal system, developed in 2009, supports national-level monitoring and management of food crop production, while the GeoTanaman system, introduced in 2017, enhances geospatial data visualisation, integration, and accessibility for stakeholders.

“Both systems were designed to collect, integrate, and standardise data from multiple sources, enabling continuous monitoring, accurate forecasting, and in-depth trend analysis.

“This allows the government to formulate informed policies, plan strategic initiatives, and respond



**Growing supply:** A worker harvesting pumpkin. Rising farming costs is spurring a push for local vegetable production.  
— ART CHEN/  
The Star

proactively to emerging challenges,” he told *The Star*.

Chan said the database is restricted to authorised government use due to the sensitivity of information, but added that the ministry is exploring secure ways to allow limited access in line with the government’s open data policy.

He said there is room for improvement, noting that some data collection processes are still manual, while farmer registration remains voluntary.

Chan said efforts were also ongoing to strengthen the domestic vegetable sector through improved productivity, adoption of modern agrotechnology, and better post-harvest management to enhance long-term resilience and competitiveness.

Federation of Vegetable Farmers Associations president Lim Ser Kwee, in backing the proposal, said a comprehensive database system would help better manage domestic vegetable supply, allowing imports only during genuine shortfalls.

Such a system, he said, would enable tighter control over imports, ensuring that certain items, such as beans, are not brought in excessively.

Agricultural economics expert Prof Datuk Dr Nasir Shamsudin said he supported a comprehensive production database to better align vegetable imports with actual domestic supply gaps.

“This will support local farmers and prevent an oversupply that depresses farm-gate prices.”

Prof Nasir said Malaysia’s current vegetable self-sufficiency ratio remained relatively low at 45.4% in 2023, with key crops such as round cabbage at 41%, chilli at 37.1% and ginger at 16.9%.

He said the country continued to rely on imports from China, Thailand, Indonesia and India to supplement local production.

“A comprehensive database with real-time data on output, acreage, yields, and demand will allow farmers to make more informed planting decisions and help the government manage

imports effectively.

“This would prevent excessive imports from undercutting local prices and discouraging production.”

Prof Nasir, who is with the Putra Business School, said implementation has been challenging as the local agriculture sector is dominated by smallholders, fragmented data collection, low digital adoption, and weak inter-agency coordination.

He said overcoming these structural constraints was essential for a more resilient and efficient food system.

“Malaysia’s vegetable sector shows mixed performance, with productivity uneven among smallholders due to rising costs, labour shortages, ageing farmers and limited technology adoption, he said.

“To strengthen self-sufficiency, the government should invest in precision agriculture, quality inputs and data-driven planning, while farmers embrace modern technologies and better management practices,” he said.

| TARIKH    | MEDIA    | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|----------|---------|------------|
| 30/3/2026 | THE STAR | NATION  | 6          |

## Meeting with farmers to resolve cost issues

**PETALING JAYA:** With tensions in the Middle East disrupting fertiliser supply and driving up diesel costs, the Agriculture and Food Security Ministry will meet vegetable farmers tomorrow to plan remedies.

Deputy Minister Datuk Chan Foong Hin, in confirming the meeting, said it was to enable the government to better address the issues.

Federation of Vegetable Farm-

ers Associations president Lim Ser Kwee said the dry season and sharp increases in diesel prices have made some farmers scale back on planting, which could reduce vegetable output for April.

He said a reliable production database would allow authorities to estimate domestic supply more accurately and enable importers to bring in only the vegetables in short supply.

This would protect local farm-

ers and allow the government to provide more targeted assistance, he added.

Lim said many farmers remained hesitant to expand production due to higher costs, especially with diesel prices having doubled in some areas, and dry weather further hindering planting.

"A rise in local vegetable prices next month is inevitable given the expected drop in output," he said.

**"A rise in local vegetable prices next month is inevitable given the expected drop in output."**

Lim Ser Kwee

**P**enyertaan golongan muda dalam sektor pertanian dan agromakanan terus menjadi antara isu penting dalam usaha memastikan keterjaminan makanan negara.

Data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerusi Laporan Interim Banci Pertanian 2024 menunjukkan hanya kira-kira 15 peratus tenaga kerja pertanian berumur bawah 40 tahun, sekali gus membayangkan penyertaan belia dalam sektor ini masih rendah dan menimbulkan persoalan mengenai masa depan tenaga kerja dalam industri ini.

Ikuti temu bual Wartawan Hafiz Ithnin bersama **Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Chan Foong Hin** mengenai usaha kerajaan menarik minat generasi muda menceburi sektor pertanian.

**Statistik menunjukkan hanya kira-kira 15 peratus golongan muda di bawah 30 tahun terbahit dalam sektor pertanian. Adakah perkara ini membimbangkan dari segi kestabilan sektor dan keterjaminan makanan negara?**

Memang kerajaan sentiasa mempunyai pelbagai program untuk menggalakkan golongan muda menceburi sektor pertanian.

Antaranya melalui 16 institusi latihan yang menyediakan latihan berkaitan bidang pertanian kepada anak muda.

Program latihan ini bukan sahaja ditawarkan secara percuma. Malah peserta turut menerima elaun bulanan bagi menggalakkan lebih ramai golongan muda menyertainya.

Namun selepas tamat latihan, berapa peratus daripada mereka yang terus bekerja dalam

sektor pertanian masih dalam kajian.

Bagaimanapun, berdasarkan anggaran awal, kira-kira 70 peratus daripada mereka kembali bekerja dalam sektor yang sama selepas mengikuti latihan berkenaan.

**Apakah pendekatan yang diambil Kementerian untuk menarik lebih ramai golongan muda menyertai sektor pertanian?**

Salah satu pendekatan utama ialah melalui usaha mereka-majakan sektor pertanian.

Ini kerana gene-

rasi muda hari ini hidup dalam era teknologi. Jika kita hanya meminta mereka bekerja menggunakan kaedah tradisional seperti bekerja di sawah menggunakan peralatan biasa, kemungkinan besar ia kurang menarik minat mereka.

Sebab itu Kementerian menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam pertanian.

Antara teknologi yang diperkenalkan termasuk penggunaan dron, selain kaedah *vertical farming* yang membolehkan sayur-sayuran dan buah-buahan ditanam dengan pendekatan lebih moden dan efisien.

Pendekatan ini dilihat lebih sesuai dengan minat generasi muda yang lebih terdedah kepada teknologi.

Selain itu, bagi sektor penternakan dan perikanan, Kementerian turut menyediakan kursus khas di 16 institusi latihan bagi memberi pendedahan kepada golongan muda mengenai peluang dalam bidang

terbahit.

**Pada pandangan Datuk, apakah punca utama golongan muda kurang berminat menyertai sektor pertanian?**

Pada pandangan saya, keadaan ini bukan sahaja berlaku dalam sektor pertanian.

Golongan muda kini ada banyak pilihan pekerjaan dan mereka juga lebih menghargai kebebasan serta fleksibiliti waktu bekerja.

Sebagai contoh, terdapat ramai anak muda yang memilih pekerjaan dalam sektor gig seperti menjadi pemandu e-hailing atau pekerjaan lain yang lebih fleksibel dari segi masa kerja.

Cabaran mendapatkan tenaga kerja ini bukan sahaja dihadapi sektor pertanian, malah sektor lain juga berdepan masalah sama, khususnya bagi pekerjaan di peringkat asas.

**Adakah faktor gaji turut memainkan peranan dalam menarik minat golongan muda?**

Ya, faktor gaji yang lumayan adalah antara per-

kara penting.

Jika kita mahu menarik minat golongan muda, pendapatan yang ditawarkan juga perlu kompetitif.

Seperti yang pernah dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, syarikat besar digalakkan menawarkan gaji bermula sekitar RM3,000 kepada graduan TVET tertentu.

Langkah seperti ini boleh membantu menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang pekerjaan tradisional termasuk dalam sektor pertanian.

**Apakah implikasi sekiranya golongan muda tidak menyertai sektor keterjaminan makanan?**

Jika kita bercakap mengenai keterjaminan makanan, kita juga perlu bercakap mengenai keterjaminan pekerjaan.

Sekiranya sektor pertanian semakin bergantung kepada pekerja asing, ia menimbulkan persoalan besar dalam jangka panjang.

Sebagai contoh, jika kita melihat ekosistem pertanian dari Pasar Borong Se-

HANYA kira-kira 15 peratus golongan muda di bawah 30 tahun terbahit dalam sektor pertanian.



# Orang muda tak minat pertanian

**Kerajaan sedia program galak pembabitan golongan belia**

layang hingga Cameron Highlands terdapat banyak kawasan pertanian yang tenaga kerjanya terdiri daripada buruh asing.

Perkara ini menimbulkan kebimbangan kerana jika trend ini berterusan dan tidak dapat diubah, ia boleh membawa kerugian besar kepada negara.

**Adakah pembabitan lebih ramai golongan muda boleh membantu mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan?**

Import dan eksport makanan tidak semestinya bergantung kepada siapa yang bekerja dalam sektor itu.

Apa yang penting ialah produktiviti dalam negara. Namun persoalan utama ialah bagaimana kita mahu memastikan sektor pertanian terus didominasi oleh pekerja tempatan.

Bagi tujuan itu, kerajaan turut menyediakan pelbagai insentif dan sokongan kepada golongan muda.

Melalui kerjasama dengan Agrobank, terdapat program NextGen yang menawarkan geran padanan sehingga RM30,000 bagi projek permulaan dan RM50,000 bagi projek pengembangan kepada anak muda yang ingin memulakan atau mengembangkan projek pertanian mereka.

Langkah ini diharapkan dapat membantu menarik lebih ramai golongan muda menyertai sektor pertanian pada masa hadapan.



“**Golongan muda  
harga kebebasan  
serta fleksibiliti  
waktu bekerja**  
Foong Hin

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|----------|------------|
| 30/3/2026 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 5          |

# Mat Sabu ajak rakyat bercucuk tanam

**Manfaatkan ruang di kediaman, kurangkan kebergantungan bekalan import**

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

**SHAH ALAM** - Rakyat diseru memanfaatkan ruang di kediaman masing-masing untuk bercucuk tanam sayuran sebagai langkah mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import susulan ketidaktentuan geopolitik di Asia Barat.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, konflik geopolitik yang berlaku ketika ini bukan sekadar isu luar negara, sebaliknya ia turut memberi kesan kepada rantaian bekalan makanan global.

Menurutnya, walaupun impak tidak dirasai secara langsung, kesannya boleh sampai ke meja makan rakyat sekiranya gangguan terhadap rantaian bekalan berterusan.

"Sebab itu, Bang Mat hendak ajak semua, kalau ada ruang walaupun kecil di rumah, tanamlah apa yang mampu. Cili, sayur, ulam.

"Sedikit sebanyak boleh bantu kurangkan kebergantungan dan dalam masa sama jadi satu usaha yang bermanfaat untuk keluarga," katanya menerusi satu hantaran di Facebook pada Ahad.

Pada Disember lepas, Mohamad membuktikan ruang tanah terhad bukan halangan untuk bercucuk tanam apabila berjaya memanfaatkan tanah di sekeliling rumah untuk mengusahakan tanaman seperti pandan dan ulam raja.

Beliau berkongsi pelbagai hasil



Mohamad menyeru rakyat Malaysia memanfaatkan ruang di kediaman masing-masing untuk bercucuk tanam.

tanaman di sekeliling kediaman yang dinikmatinya selepas kejayaan menternak ikan tilapia dan menanam bawang Rose Ehsan beberapa bulan sebelumnya.

Dalam masa sama, Mohamad menambah, kerajaan akan terus memperkukuh sistem makanan negara bagi memastikan bekalan mencukupi serta akses kepada rakyat sentiasa terjamin.

"Ini tanggungjawab yang sedang dan akan terus kita laksanakan. Yang penting, kita sama-sama ambil peranan. Mulakan dengan apa yang ada.

"Insya-ALLAH, usaha kecil hari ini akan jadi kekuatan besar untuk masa depan," kongsiya lagi.

Pada 13 Mac, kerajaan memberi jaminan bekalan makanan negara berada pada tahap mencukupi sekurangnya sehingga pertengahan tahun ini walaupun ketidaktentuan global susulan konflik di Asia Barat.

## JENIS TANAMAN SAYUR MUDAH DITANAM SEKITAR RUMAH



|          |             |
|----------|-------------|
| Kangkung | Kunyit      |
| Bayam    | Halia       |
| Sawi     | Kesum       |
| Cili     | Serai       |
| Terung   | Daun pandan |

| TARIKH    | MEDIA   | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|---------|----------|------------|
| 30/3/2026 | THE SUN | NATIONAL | 3          |

## Weather volatility puts crops at risk

**PETALING JAYA:** A government study has found that up to half of Malaysia's fruit and vegetable crops could be lost at the farm level under unpredictable weather, highlighting the fragile state of the country's food supply.

The Agriculture and Food Security Ministry told *theSun* that the findings were based on a Food Loss Index study conducted by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) to measure food loss levels nationwide.

"Post-harvest losses at the on-farm production stage for the fruits and vegetables sector are estimated at around 14% under normal weather conditions and can rise to as much as 50% if harvesting occurs during the rainy season or under unpredictable weather conditions," the ministry said in a statement.

On March 24, Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the government was stepping up preparedness measures to safeguard national food security amid geopolitical tensions in West Asia and the hot weather conditions.

"The efforts include improving supply management efficiency, strengthening the agro-food value chain and implementing mitigation measures, with close coordination between ministries and industry players to ensure continued availability of essential food supplies."

The ministry said the study focused on selected commodities such as pineapple, watermelon and mustard greens, highlighting the vulnerability of perishable produce to environmental conditions at the farm level.

"The initiative forms part of efforts to develop a structured indicator to better quantify food loss across the country's agri-food system, particularly at the production stage," the ministry added.

Meanwhile, Mardi is conducting a follow-up study at the off-farm level to assess losses across the supply chain.

"A follow-up study at the off-farm supply chain level, covering processes such as collection, packaging and distribution, is being carried out by Mardi and is expected to be completed in April.

"The study will later expand to include all agri-food commodity groups, including livestock and fisheries, to develop a comprehensive Food Loss Index for the sector."

The findings underscore how food losses can occur early in the supply chain, before produce reaches wholesale, retail or consumers.

Weather instability has increasingly affected agricultural output.

Last week, the Health Ministry reported that several areas across Kedah, Penang, Perak, Pahang and Perlis were under a Level 1 heat alert, with parts of Kedah escalating to Level 2, where temperatures exceeded 37°C and could reach up to 40°C after several consecutive days of heat. — by **Faiz Ruzman**

## Alih sangkar ikan elak rugi

**Kuantan:** Jabatan Perikanan Pahang menasihatkan penternak ikan sangkar Sungai Pahang di kawasan Chenor, Maran supaya dapat mengalihkan sangkar ke tempat lebih sesuai bagi mengelak terus menanggung kerugian setiap kali tiba musim kemarau.

Terdapat 24 penternak ikan sangkar di beberapa kampung seperti Kampung Sasehin, Kampung Tanjung Berangan, Kampung Pesagi dan Kampung Paya Pasir hampir setiap tahun terdedah kejadian air Sungai Pahang cetek dan kering hingga menyebabkan sangkar mereka berada di atas pasir.

Pengarahnya, Roslan Abu Hasan berkata, tidak ada kaedah lain lebih sesuai melainkan alih atau pindah sangkar ke kawasan Sungai Pahang yang lebih dalam dan tidak mudah berlaku pasir timbul yang membentuk beting pasir luas.

Menurutnya, untuk rekod kawasan Kampung Pesagi paling mudah terdedah kejadian air sungai cetek dan kering berbanding kampung lain hingga menyebabkan banyak sangkar ikan tersadai di atas pasir. Faktor itu menyebabkan penternak tidak dapat menternak ikan sepanjang tahun.

Katanya, musim kemarau juga memberi masalah pada ternakan disebabkan suhu air meningkat dan boleh menyebabkan tekanan memuncak pada ikan sehingga boleh mengundang penyakit seterusnya kematian dengan yang banyak secara berperingkat.

"Bagi mengelak kerugian penternak perlu bijak menyusun jadual melepaskan benih seterusnya tempoh menuai hasil, dengan cara itu dapat mengelak ikan belum cukup matang ketika berlaku musim tengkujuh yang menyebabkan air Sungai Pahang menjadi cetek dan kering," katanya.



PENTERNAK ikan sangkar Sungai Pahang di Kampung Pesagi perlu alihkan sangkar mereka bagi elak kerugian pada musim kemarau. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

| TARIKH    | MEDIA           | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|--------------|------------|
| 30/3/2026 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7          |

Cuaca panas jejas pengeluaran, pesawah tanggung kerugian

# Hasil padi merosot 60 peratus

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD dan MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
 utusannews@mediamulla.com.my

**ALOR SETAR:** Hasil padi di beberapa kawasan utama negara dilaporkan merosot sehingga 60 peratus susulan faktor cuaca panas melampau mencecah 37 sehingga 40 darjah Celsius sejak dua minggu lalu.

Keadaan tersebut menyebabkan banyak padi yang dituai tidak berisi, selain kekurangan bekalan air akibat kemarau berpanjangan, malah pesawah dijangka terpaksa menangguhkan musim penanaman baharu yang sepatutnya bermula April ini.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, kemerosotan itu boleh berlaku apabila suhu terlalu tinggi sehingga mengganggu proses penting dalam pembentukan hasil padi.

Katanya, suhu ekstrem terutama melebihi 40 darjah Celsius boleh menjejaskan proses pen-

debuangan sehingga menyebabkan pengisian padi tidak sempurna.

Beliau berkata, kemarau turut memberi kesan besar kepada bekalan air apabila sumber utama seperti hujan dan simpanan empangan semakin berkurangan.

"Ketika ini paras takungan di Empangan Muda berada pada tahap rendah iaitu 7.64 peratus atau 9,550 ekar kaki berikutan ketiadaan hujan di kawasan tadahan yang mana keadaan ini perlu diberi perhatian serius.

"Apabila kemarau, air hujan tiada, air empangan pun berkurang dan ini memberi kesan langsung kepada bekalan air untuk pengairan padi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata, bekalan yang ada ketika ini hanya mencukupi untuk dilepaskan ke Loji Rawatan Air (LRA) bagi kegunaan domestik dan industri yang menyebabkan air tidak dapat disalurkan ke kawasan sawah seperti biasa.

"Berkemungkinan pesawah terpaksa menggunakan kaedah



**KEBANYAKAN** kawasan sawah merekah dan kering-kontang ekoran cuaca panas yang berlarutan di Kampung Alor Redis, Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

tabur terus kering (TTK) untuk meneruskan penanaman musim satu 2026 yang dijangka bermula April ini.

"Kaedah ini dilakukan dengan cara membajak tanah, menabur benih padi dan memadatkan tanah sebelum menunggu hujan atau embun untuk per-

cambahan," katanya.

Bagaimanapun, Dr. Ismail berkata, kaedah itu akan turut menyebabkan pertumbuhan padi bercampur dengan rumpai dan padi angin, selain meningkatkan risiko serangan perosak seperti tikus serta penyakit tanaman.

Ujarnya, walaupun kaedah

itu bukan pilihan terbaik, ia terpaksa dilaksanakan kerana tiada alternatif lain dalam keadaan bekalan air yang terhad.

"Memang hasil akan rendah, tetapi kita tiada pilihan kerana tidak boleh tunggu tanpa menanam. Namun, sekiranya hujan dan paras empangan kembali pulih, MADA akan lepaskan air untuk pertanian seperti biasa," katanya.

Sementara itu di Perlis, tinjauan mendapati kesan kemarau menyaksikan kira-kira 14.39 hektar sawah padi di Sungai Batu Pahat, Kangar tidak menjadi berikutan masalah kekurangan bekalan air sejak hujung tahun lalu.

Seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 63, berkata, sekitar 70 peratus kawasan tanaman padi di Perlis ketika ini sudah menuai namun kebanyakan tidak mempunyai isi.

Katanya, keadaan itu menyebabkan hasil padi musim ini merosot sehingga 60 peratus dan memberi kesan kepada pendapatan pesawah.

## Harga barang basah naik di pasar awam, kedai runcit

**Kuala Lumpur:** Barang basah seperti sayur-sayuran mengalami kenaikan harga di beberapa tempat seperti pasar awam dan kedai runcit kecil.

Perkembangan itu dimaklumkan Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) berdasarkan maklum balas pengguna yang diperolehi melalui rakan strategiknya, Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

Presiden MPPN, Mohd Khair Ngadiron, berkata pasar raya besar masih mengekalkan harga yang relatif stabil.

"Barang di bawah kawalan harga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak mengalami kenaikan harga.

"Ini menunjukkan wujud tekanan harga pada peringkat tertentu yang memerlukan pemantauan berterusan," katanya

kepada *BH*, semalam.

Laporan sebelum ini menyebutkan, harga barang asas dijangka meningkat dengan kenaikan harga bahan api susulan krisis di Asia Barat.

Mohd Khair berkata, MPPN tidak membuat unjuran khusus mengenai barang yang diramal mengalami kenaikan harga, namun menjangka tekanan sedemikian bersifat bersasar dan tidak menyeluruh.

"Sebarang pergerakan harga pada masa ini dipengaruhi faktor kos semasa termasuk logistik, bekalan dan perkembangan harga komoditi global.

